

**Jenis Akhbar** : *Warta Oriental*  
**Tarikh** : 18/01/2023  
**Edisi / Muka Surat** : <https://wartaoriental.com/>  
**Tajuk** : *Jadikan koperasi sebagai gerakan bantu rakyat*

## Jadikan koperasi sebagai gerakan bantu rakyat



**Ewon Benedick**

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick mahu gerakan koperasi membantu rakyat khususnya yang berpendapatan rendah keluar daripada kemiskinan.

Beliau berkata, ini kerana koperasi juga berperanan penting dalam agenda pembasmian kemiskinan selain menyumbang kepada ekonomi negara.

“Saya mahu gerakan ini (gerakan koperasi) sebagai gerakan yang membantu rakyat. Saya percaya pendekatan melalui koperasi, banyak kita boleh bina (bangunkan) untuk keluaran rakyat daripada kepompong kemiskinan,” katanya ketika berucap pada lawatan rasminya ke Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), di Wisma Ungku A.Aziz, Kelana Jaya, kelmarin.

Ewon berkata, gerakan koperasi juga perlu diberikan bantuan sama seperti syarikat atau organisasi lain agar dapat merencanakan lagi aktiviti ekonomi dalam sektor-sektor utama.

“Selain Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), kita juga akan melibatkan ANGKASA dalam perbincangan mengenai pembangunan perniagaan koperasi dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh ANGKASA,” katanya.

Sementara itu, Presiden ANGKASA merangkap Presiden *ASEANCo-operativeOrganization*, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berharap gerakan koperasi dapat diiktiraf sama seperti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

“Kalau (koperasi) tak sama (pengiktirafan) pun tak apa, tetapi pakej insentif dan keistimewaan lain yang diterima oleh perusahaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia turut dapat dinikmati oleh koperasi,” katanya.

Dr. Abdul Fattah juga berharap kerajaan dapat mengkaji semula dan seterusnya memperbaiki akta serta undang-undang tidak mesra koperasi yang dilihat mengekang pertumbuhan dan perkembangan perniagaan koperasi dalam pasaran terbuka.

Pada majlis yang sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA, Dato' Haji Abdullah Jusoh turut menyampaikan taklimat mengenai aktiviti dan pencapaian ANGKASA.

Turut hadir Timbalan Menteri KUSKOP, Senator Saraswathy Kandasami.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama Ewon dan Saraswathy ke ANGKASA sejak dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri awal Disember 2022.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) KUSKOP, Datuk Haji Zamri Salleh, Pengerusi Eksekutif SKM, Rusli Jaafar dan Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, Datuk Mohd Ali Mansor.

Barisan kepimpinan tertinggi ANGKASA yang turut hadir ialah Timbalan Presiden ANGKASA, Prof. Madya Dato' Dr. Haji Abdul Rahman Abdul Razak Shaik dan Anggota-anggota Lembaga ANGKASA, Datuk Haji Mohamad Ali Hasan, Dato' Haji Kamarudin Ismail, Dr. Haji Mohd Azlan Yahya, Dato' Haji Che Mohd Shukree Che Isa dan Azizul Alias.